

SIARAN AKHBAR

BANTUAN KEWANGAN BERJUMLAH RM7.5 JUTA BAKAL MANFAAT 500 USAHAWAN BELIA



YB Dato' Amizar Bin Abu Adam, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang (duduk tengah) bersama peserta Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 11 Zon Timur. Turut kelihatan dalam gambar ialah Encik Rizal Bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia (duduk dua dari kanan).

KUANTAN, 28 Mei 2025 – Geran perniagaan berjumlah RM7.5 juta bakal memberikan manfaat kepada 500 usahawan belia Bumiputera melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 11 oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menerusi SME Corp. Malaysia pada tahun ini. Majlis Penutupan Program TUBE 11 Zon Timur di University College of Yayasan Pahang (UCYP), Kuantan, Pahang telah dirasmikan oleh YB Dato' Amizar Bin Abu Adam, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang, sebagai wakil rasmi kepada YAB Menteri Besar Pahang pada hari ini.

Selain Zon Timur di Pahang, Program TUBE 11 turut dijalankan secara serentak di tiga (3) zon lain iaitu Utara, Pantai Timur dan Tengah/Selatan bermula 21 Mei hingga 28 Mei 2025 manakala di Sabah telah dilaksanakan pada bulan Februari yang lalu. Program berbentuk latihan asas keusahawanan ini dilaksanakan melalui dua (2) fasa iaitu Bengkel Perniagaan selama lapan (8) hari yang berakhir hari ini, disusuli dengan Bimbingan Perniagaan dan Pemantauan dalam fasa seterusnya. Peserta yang berjaya akan diberikan geran permulaan perniagaan sehingga RM15,000.00.

YAB Dato' Sri Diraja Wan Rosdy dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh YB Dato' Amizar menyatakan, "Pelantikan beliau oleh YAB Perdana Menteri sebagai Penasihat Khas kepada Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (MPUPK) merupakan satu amanah besar untuk memastikan agenda pembangunan PMKS di Malaysia yang lebih strategik dan inklusif. Aspirasi Kerajaan adalah jelas iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara usahawan di mana keusahawanan bukan sekadar pilihan kerjaya, tetapi satu budaya, satu sistem sokongan dan satu kekuatan ekonomi nasional. Usahawan mesti menjadi nadi kepada pertumbuhan ekonomi, dan ia bermula di sini bersama para peserta TUBE".

Sementara itu, YBrs. Encik Rizal Bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia semasa ucapan aluannya pula berkata, "Sejak diperkenalkan pada tahun 2014, Program TUBE telah menyalurkan geran perniagaan berjumlah RM125.84 juta dan melatih seramai 8,653 belia. Sebanyak 8,312 belia telah berjaya mendaftarkan perniagaan yang mencatatkan nilai jualan terkumpul berjumlah RM207.22 juta dan mewujudkan 16,690 peluang pekerjaan. SME Corp. Malaysia akan terus komited dalam memantau perkembangan setiap peserta TUBE bagi memastikan perniagaan mereka dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi".

Bagi memastikan belia Bumiputera mendapat sokongan berterusan, SME Corp. Malaysia turut menyediakan pelbagai inisiatif lain termasuk bantuan bersepadu di bawah Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) dan BEEP Plus serta Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB), khusus untuk usahawan menembusi pasaran global. Di samping itu, usahawan Bumiputera juga ditawarkan pembiayaan patuh syariah bagi usahawan muda yang ingin memulakan perniagaan melalui Tunas-i dan Bumiputera MSMEs Financing Initiative (BMFI)@BEEP untuk pengembangan modal dan kapasiti.

Program TUBE 11 telah dilaksanakan dengan kerjasama Bank Rakyat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan agensi-agensi di bawah KUSKOP. Dalam majlis penutupan hari ini, YB Dato' Amizar juga telah menyampaikan cek cura (*mock cheque*) kepada wakil peserta sebagai simbolik kepada penamatan sesi latihan serta Anugerah Rancangan Perniagaan Terbaik dan Peserta Terbaik Program TUBE 11 Zon Timur.

Hadir sama semasa Majlis Penutupan Program TUBE 11 Zon Timur adalah YBrs. Encik Rizal Bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my